



JPA.BK(S)173/18 Jld. 21( 47)

10 November 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

## **PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/ Dato', Kerajaan telah bersetuju supaya tempoh perkhidmatan pegawai kontrak warganegara yang sedang berkhidmat dan akan tamat perkhidmatan kontraknya boleh dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017, tertakluk pegawai mencapai prestasi yang ditetapkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Pelanjutan ini meliputi:

- (i) pegawai **contract of service**; dan
- (ii) **pesara tentera** yang berpencen, yang dilantik secara kontrak ke dalam perkhidmatan awam selepas tamat tempoh perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.


3. Keputusan pelanjutan tempoh perkhidmatan kontrak ini tidak melibatkan pegawai kontrak bukan warganegara dan pegawai kontrak dalam kalangan pesara (yang dilantik secara kontrak selepas persaraan wajib atau persaraan pilihan), melainkan perkhidmatan pegawai amat diperlukan dan mencapai prestasi yang ditetapkan.

4. Dari segi pelaksanaan, prosedur pelanjutan tempoh perkhidmatan kontrak adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 atau peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**

s.k.:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan